

Headline **Hidup Diteruskan Dengan SLE**  
 Date **25. May 2008** Language **MALAY**  
 Media Title **Mingguan Malaysia** Page No **12**  
 Section **Kesihatan** Article Size **835** cm2  
 Circulation **483240** Frequency **Daily**  
 Readership **1810000** Color **Full Color**



# Hidup diteruskan dengan SLE



**NURAINI** sebelum disolek pada hari perkahwinannya.

OLEH SHAMSHIAH ZULKAFLI

**NURAINI** Abu Bakar, 21, pernah mengemparkan negara sekitar tahun 2005 apabila dia yang ketika itu sedang menjalani Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Kem Cahaya Gemilang, Cherating, Pahang dikenal pasti menghidap sejenis penyakit autoimun dalam sistem imuniti badan dikenali sebagai *Systemic Lupus Erythematosus* atau *SLE*.

Hanya selepas lima minggu mengikuti PLKN di kem tersebut, muka Nuraini mula dinaiki tompok-tompok berwarna merah. Setelah dirujuk ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di Kuantan, kulit mukanya dikatakan sensitif kepada sinaran matahari atau 'sunburn'.

Bukan sahaja di muka, bahagian-bahagian kulit yang terdedah kepada matahari seperti kaki dan tangannya juga turut mengalami keradangan.

Tanpa menyedari itulah permulaan kepada penyakit yang akan ditanggung bertahun-tahun lamanya, Nuraini tetap menamatkan PLKN sehingga Jun 2005.

Walaupun sering mengadu sakit-sakit sendi sehingga adakalanya terpaksa dipapah rakan-rakan pelatih di kem, dia tetap mengagahkan diri.

"Semasa itu hanya Allah yang tahu bagaimana penderitaan yang perlu saya tanggung. Walaupun saya hanya mengikut aktiviti tertentu di kem, saya tidak dibenarkan pulang. *SLE* membuatkan saya sensitif terhadap cahaya matahari.

"Saya perlu sentiasa berada di bilik berhawa dingin, sendi-sendi saya juga sering sakit. Tidak cukup dengan itu, rambut saya juga mula gugur," kata Nuraini.

*SLE* ialah sejenis penyakit kronik yang berlaku akibat kecelaruan sistem ketahanan tubuh atau rangkaian sel dan organ yang bertindak melindungi tubuh daripada serangan benda asing.

Sistem ketahanan tubuh akan menghasilkan antibodi apabila ia mengesan mikroorganisma kuman yang masuk ke dalam tubuh. Antibodi ini akan bertindak mempertahankan tubuh daripada serangan jangkitan kuman berkenaan.

Bagi pesakit *SLE*, antibodi yang dihasilkan untuk melindungi badan ini sebaliknya menyerang sel-sel tubuh sendiri.

Mana-mana organ dalam tubuh pesakit boleh diserang, menyebabkan pesakit akan menunjukkan gejala yang berbeza-beza.

Menurut Nuraini, sejak kejadian itu, penderitaannya mendapat liputan meluas pihak



**SIMP TOM** yang timbul berulang kali pada kulit menjadi antara gejala *SLE*, yang mungkin turut menyebabkan kerosakan organ dalaman pesakit.

## Diari Harapan

media. Malah, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang terkenal sebagai raja berjaja rakyat turut berkenan berangkat melawat Nuraini di rumahnya di Felda Panching Utara bersama tiga doktor pakar kulit, dua daripada HTAA dan pakar bedah plastik dari Hospital Pakar Ampang Putri (APSH), Datuk Dr. Abdul Jalil Jidon untuk membantu.

"Saya ingat lagi apa yang Tuanku katakan semasa itu. Baginda meminta pihak APSH supaya merawat saya sehingga sembuh, kos perubatan pula akan ditanggung sepenuhnya oleh baginda," kata Nuraini yang amat terhutang budi terhadap Sultan Ahmad Shah.

Bermula saat itu, Nuraini mula berulang-alik dua minggu sekali ke APSH dengan menggunakan kenderaan khas yang disediakan oleh HTAA. Dalam masa tiga bulan pertama, dia dibekalkan dengan vitamin C, vitamin E dan ubat makan jenis kortikosteroid, prednisolone.

"Ubat ini untuk memastikan penyakit saya tidak merebak ke bahagian tubuh yang lain. Semasa pertemuan pertama dengan pakar di APSH, saya juga dimaklumkan doktor bahawa penyakit saya boleh sembuh dalam masa dua hingga tiga tahun. Itulah saat yang paling gembira bagi saya," katanya.

Selepas tiga bulan, Nuraini berkata, dia perlu berulang sebulan sekali ke APSH bagi menerima rawatan laser di bahagian muka. Bagaimanapun, setelah enam kali menjalani rawatan itu, kulit muka Nuraini menjadi semakin gelap.

Dr. Abdul Jalil dan pakar dermatologi, Dr. Biduwiah Long Bidin dengan segera menghentikan rawatan tersebut. Sebagai ganti, Nuraini diberikan ubat prednisolone dalam bentuk cecair pada kadar dua kali ganda.

Dalam pada menghidap *SLE*, Nuraini yang

masih meneruskan rawatan di APSH pada 2007, melangsungkan perkahwinan dengan jejak pilihan hati yang juga rakan sekolahnya, Zakaria Mamat, 27, dari Sungai Ular, Kuantan.

Ketabahan serta sifat sabar yang ditunjukkan Zakaria walaupun Nuraini menghidap *SLE* membuatkan Nuraini terbuka hati menerima jejak itu sebagai teman hidup.

Bagaimanapun pasangan itu tidak digalakkan menimang cahaya mata dalam masa dua tahun sepanjang Nuraini menjalani rawatan di APSH atas alasan ubat prednisolone yang diterimanya boleh menjejaskan kandungan.

### Sokongan

Pada November tahun lalu, Nuraini terpaksa dimasukkan ke APSH selama 11 hari setelah kandungannya yang berusia enam bulan disahkan meninggal dunia.

"Saya sukar gambarkan perasaan ketika itu. Pada mulanya saya memang sedih, namun lama kelamaan saya boleh terima dengan hati reda dan suami juga banyak bagi sokongan," katanya.

Kini, setelah hampir tiga tahun menerima rawatan, penyakit Nuraini sudah 70 peratus sembuh.

Katanya, rambut yang suatu masa dulu gugur juga sudah panjang melepasi bahu, namun tidak lebat seperti sebelum ini. Mukanya juga hanya tinggal parut berkat kesabarannya menggunakan produk rawatan muka yang diberikan Dr. Abdul Jalil.

Selain produk muka, dia turut dibekalkan dengan syampu, sabun muka, pelembap dan sebagainya. Setiap hari Nuraini juga perlu mengambil 15 biji pil yang diarahkan doktor.

Mengukanya sudah jemu kerana perlu mengambil ubat setiap hari, dia bagaimanapun tidak mempunyai pilihan lain sekiranya ingin sembuh dalam tempoh yang ditetapkan.

Jika dahulu Nuraini dilarang membuat kerja rumah seperti membasuh baju dan pinggan mangkuk, kini tangannya tidak lagi alah kepada detergen biasa.

**Dalam pada menghidap SLE, Nuraini yang masih meneruskan rawatan di APSH pada 2007, melangsungkan perkahwinan dengan jejak pilihan hati yang juga rakan sekolahnya, Zakaria Mamat, 27, dari Sungai Ular, Kuantan**

Nuraini yang pernah menolak tawaran menyangkut pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) juga kini sedang mengikuti Sijil Perancangan di Institut Munshi, Batu 5, Jalan Gambang, Kuantan.

Bagaimanapun, berita yang baru diterimanya tiga bulan lalu membuatkan Nuraini tidak senang hati. Februari lalu, setelah menjalani ujian darah dan air kencing, doktor yang mengendalikan ujian itu, Dr. Philips di APSH mengesahkan buah pinggangnya turut diserang *SLE* yang kini berada pada tahap keempat.

"Keseluruhannya, doktor menjelaskan *SLE* bagi organ dalaman ada enam tahap. Penyakit saya masih boleh dirawat, tapi saya tetap risau," katanya.

Dia dan suami yang masih tinggal di rumah ibu bapa Nuraini berkata, walaupun tidak merasa sakit akibat *SLE* yang merebak ke bahagian buah pinggang, dia bimbang penyakitnya itu akan terus merebak ke bahagian lain.

"Saya akui saya takut dengan kenyataan itu, tapi dengan sokongan keluarga dan keprihatinan Sultan Ahmad Shah, saya yakin saya mampu mengharunginya," katanya.



**PENGAMBILAN** bermacam jenis ubat mengambil rutin harian untuk Nuraini sebagai pesakit *SLE*.

FOTO RUSHDI SALLEH